


GEMPAK.

WEEKLY EDITION

KORBAN HATI, JIWA

Uncle Mike





Uncle Mike

Demi memberi tumpuan menjaga tiga orang anak angkatnya, Uncle Mike atau nama sebenarnya Michael Tong Wai Siong sanggup mengorbankan hati dan perasaannya.

Menurut Uncle Mike, dia pernah mempunyai kekasih sebelum dipertemukan dengan kanak-kanak Melayu yatim piatu lebih 16 tahun lalu namun hubungan tersebut putus di tengah jalan.

"Sebelum saya bertemu dengan anak-anak, saya memang ada seseorang (kekasih). Tapi orang kata, rancang Tuhan itu lebih hebat, jodoh saya dan dia tak ada... hubungan kami putus.

"Sudah tentu saya sedih. Tapi lepas setahun kemudian, saya mula bergiat dalam aktiviti kebajikan dan Tuhan temukan saya dengan anak-anak.

"Bila saya dah menjaga mereka, sudah tentu ada juga orang cuba untuk kenal-kenalkan saya (dengan wanita)," katanya kepada Gempak.

Malah hatinya berasa gusar setiap kali menerima pertanyaan mengenai pasangan hidup memandangkan dia sentiasa berfikir tentang layanan yang akan diberikan wanita itu kepada anak-anaknya.

"Saya banyak terima soalan-soalan yang buat saya rasa gusar dan berfikir 'macam mana dia dengan tiga orang anak saya'. Saya anggap benda ini cabaran untuk saya.

"Jadi, saya rasa lebih baik saya fokus pada kehidupan saya untuk menjaga tiga orang anak supaya mereka boleh membesar dengan sempurna," katanya.

Dalam keadaan berseloroh, Uncle Mike turut berkata dia bimbang akan disambar petir sekiranya memungkir janji menjaga anak-anaknya.

"Saya dah berjanji untuk menjaga mereka sampai besar dan boleh berdikari. Kalau saya tak buat (jaga), nanti kena sambar petir," ujarnya lagi.

Kisah Uncle Mike mula menjadi perhatian dan inspirasi kepada masyarakat apabila dia mengambil tiga anak angkat Melayu yatim piatu iaitu Rafei Ahmad Fauzi, dan dua adiknya, Rasyid dan Abdul Rahman. - ASYIKIN MAYUDIN



6 Fakta Tentang Filem 'Abah Saya Uncle Mike'

Sempena Tahun Baharu Cina dan Hari Raya Aidilfitri yang akan bertembung pertama kalinya selepas 27 tahun, Astro Shaw dengan kerjasama strategik Etika Sdn. Bhd. dengan bangganya mengumumkan filem terbaru mereka, Abah Saya, Uncle Mike.

Filem ini menceritakan perjalanan Uncle Mike, seorang lelaki Cina yang membesarkan tiga anak angkat Melayu, menghormati agama Islam mereka, dan menerima Anugerah Maulidur Rasul 2024.

Berikut fakta menarik yang anda perlu tahu tentang filem Abah Saya Uncle Mike:

1. Barisan pelakon

Andy Teh memegang watak Uncle Mike, bersama Idan Aedan, Nor Merah, dan Umar Shakur, pemenang Pelakon Kanak-Kanak Terbaik di Anugerah Seri Angkasa 2024.

2. Pengarah muda berbakat besar

Filem ini diarahkan oleh Ezrie Ghazali, yang pernah mengarahkan drama popular seperti Kiblat ke Syurga.

3. Treler programatik

Treler filem ini menggabungkan unsur budaya pelbagai perayaan Malaysia, menampilkan keluarga Uncle Mike sebenar, dan mempromosikan 7UP sebagai simbol kebahagiaan.

4. Tarikh & tayangan

Tarikh penggambaran & tayangan Penggambaran bermula Januari 2025, dengan tayangan dijangka pada tahun yang sama.

5. Tema perpaduan

Filem ini menyampaikan mesej mendalam tentang kepentingan perpaduan, kasih sayang keluarga, dan keunikan kepelbagaian budaya Malaysia.

6. Sinopsis

Filem Abah Saya, Uncle Mike berdasarkan kisah menyentuh hati perjalanan Rafei. Sebagai anak sulung daripada tiga adik-beradik yatim piatu, Rafei memulakan perjalanan mencari jati diri dan harapan, mengimpikan masa depan yang lebih cerah. Selepas menemui kasih sayang dalam keluarga Uncle Mike, dia berusaha untuk bersatu semula dengan dua adik lelakinya.



10 Tahun Bergelar Ibu Tunggal, Hati Erra Fazira 'Dicuri'?

Membicarakan soal jodoh, kekasih atau calon suami barangkali bukan lagi hal yang sepatutnya menjadi perbincangan seorang figura bernama Erra Fazira.

Tuan punya badan juga tidak selesa untuk berbicara tentang lelaki yang menjadi kekasih atau bakal peneman hidup. Apatah lagi usianya juga tidak lagi bisa dibilang muda. Erra si primadona yang cukup terkenal dengan filem seperti Maria Mariana itu sudah pun mencecah 50 tahun.

Maka bercakap tentang soal siapa kekasih hati bukan satu keperluan. Namun sejak dahulu Erra yang dikenali dengan sikap dan profesional tinggi sentiasa menjawab atau melayan pertanyaan media massa dengan baik.

Sama seperti saat ibu kepada Engku Aleesya ini ditanya mengenai hantaran sempena ulang tahun seseorang di Instagram Story yang berbau 'cinta'.

Tidak menafikan hantaran tersebut ditujukan buat seorang yang kini dekat dengannya yang didakwa sebagai 'Mr E', Erra bagaimanapun menegaskan bahawa hubungan yang terjalin masih di peringkat awal.

"Berilah peluang kami baru mahu kenal bimbang kalau komen banyak nanti tak jadi saya yang malu,"katanya kepada media.

Ironi apa yang dipinta Erra ada betulnya. Dengan usia yang tidak lagi muda dan sudah cukup matang mendasari dunia hiburan, bercakap tentang hubungan yang baru ingin berputik bukanlah hal yang patut dibanggakan.

Sementelah Erra telah menempuh sekali episod putus tunang, dua kali kanda dalam pernikahan sebelumnya dan kini menyandang status ibu tunggal selama 10 tahun.

Maka sebagai seorang wanita, benar kata Erra. Tidak manis untuk dirinya yang telah mempunyai segudang pengalaman hidup berbicara hal enteng.

Apapun doakan yang baik-baik, seperti dipinta Erra. - MALIAH SURIP



Plot Twist Kes-Kes Keganasan Rumah Tangga Selebriti, Siapa Betul Siapa Salah?

Bukan satu atau dua kes keganasan rumah tangga membabitkan selebriti di seluruh dunia pernah dan telah dilaporkan media massa. Kebanyakan kes tersebut didedahkan oleh tuan punya badan yang didera atau terdedah secara tidak sengaja di media sosial.

Namun dalam segelintir kes yang pada awalnya nampak 'biasa' menjadi 'luar biasa' apabila terdapat plot twist atau kisah lain dan fakta yang tidak semuanya diketahui umum. Berikut antara kes keganasan rumah tangga dalam kalangan selebriti yang pernah menjadi buah mulut. - MALIAH SURIP



**Zahnita Wilson -
Abd Zackery**

Salah satu kes keganasan rumah tangga yang mencuri tumpuan penghujung tahun lalu adalah di antara Zahnita Wilson dan suami, Abd Zackery Ghouse. Zahnita mendakwa telah dipukul dan dianiaya suami sepanjang lebih 20 tahun berkahwin.

Abd Zackery, 47, didakwa di Mahkamah Majistret atas pertuduhan mencederakan sebelum hak jagaan sementara ex parte diberikan kepada Zahnita selepas dia memohon bagi mendapatkan jagaan anaknya.

Namun, Abd Zackery mendedahkan dirinya adalah mangsa sebenar keganasan rumah tangga selain sudah terlalu lama bersabar dengan sikap Zahnita.

"Setiap tahun pun ada dia minta saya ceraikan dia," dakwa Abd Zackery.

"Saya bukan Monster. Dulu dia pernah belajar Muay Thai dan mahu 'Muay Thaikan' saya," dedahnya lagi.



**Dwayne Haskins -
Kalabrya Gondrezick**

Mendiang Dwayne Haskins adalah pemain bola Amerika yang meninggal dunia kerana dilanggar kenderaan di lebuh raya Fort Lauderdale pada 9 April 2022.

Sebelum meninggal dunia, Haskins pernah menjadi bahan berita kerana didera oleh isterinya, Kalabrya Gondrezick.

Insiden tersebut berlaku pada Julai 2021 selepas dia dan isteri bergaduh di sebuah bilik hotel di The Cosmopolitan yang terletak di Las Vegas.

Haskins dilaporkan telah ditumbuk pada bahagian mulut sehingga patah gigi oleh isterinya selepas mereka bertengkar.

Wanita itu kemudian telah didakwa atas kesalahan penderaan rumah tangga sehingga menyebabkan kecederaan.



**Cut Intan Nabila -
Armor Toreador**

Kisah keganasan rumah tangga yang paling mencuri perhatian pada tahun lalu adalah pempengaruh popular Indonesia, Cut Intan Nabila yang telah menjadi mangsa dera oleh suaminya, Armor Toreador.

Penderaan yang dilakukan telah dibongkar menerusi rakaman video yang akhirnya menyelamatkan penderitaan lima tahun wanita itu.

Akibatnya, Armor dijatuhi hukuman penjara empat tahun setengah atas kesalahan melakukan penderaan fizikal terhadap isterinya itu.

Ironi keganasan rumah tangga yang terpaksa dihadapi Cut Intan Nabila bukan kerana curang tetapi suaminya 'ditangkap' menonton filem porno.



Pengarah: Faizul A. Rashid


Pelakon: Farid Kamil, Uqasha Senrose, Mustaqim Bahadon, Juliana Evans, Sara Ali, Sherie Merlis

Genre: Seram

Bisikan Dosa mengisahkan Sarimah yang berpindah ke Kuala Lumpur untuk memulakan hidup baharu berikutan kematian tragis anak kecilnya, selain bekas suami berlaku curang dan berkahwin dengan wanita lain.

Sarimah menjadi pembantu rumah kepada keluarga Ayden, tetapi tidak lama kemudian dihantui satu roh tidak tenang yang dikenali menerusi potret keluarga iaitu arwah isteri Ayden, Zara.

Bisikan Dosa bakal menghantui penonton seluruh pawagam Malaysia, Singapura, Brunei pada Khamis depan.



Pengarah: Ahmad Idham

Pelakon: Hariz Hamdan, Nelissa Nizam, Yana Samsudin, Usop Wilcha, Mamak Puteh

Genre: Aksi/Komedi

Mengisahkan seorang lelaki iaitu Sahak (Hariz Hamdan) yang terpaksa melarikan diri daripada buruan ahli kumpulan dan polis setelah dituduh membunuh ketuanya sendiri.

Kemudian, dia terpaksa bersembunyi dalam kereta seorang gadis, Suriani (Nelissa Nizam) sehingga menyebabkan gadis berkenaan turut terjebak dalam permasalahan yang dihadapi Sahak.



Pengarah: Guntur Soeharjanto

Pelakon: Cinta Laura Kiehl, Arifin Putra, Callista Arum

Genre: Seram/Thriller

Panggonan Wingit 2 "Miss K" berlatar di Surabaya tahun 1988. Ia menceritakan tentang adik-beradik bernama Alma dan Mia yang baru kehilangan ibu mereka dan memutuskan pindah ke Surabaya. Alma kemudian bekerja menjadi pengurus di pangsapuri Sasmaya milik Aiman dan Wulan. Namun anehnya, tingkat 6 ditutup dan tidak boleh diakses.

Pada suatu hari, seorang penghuni terganggu dengan adanya kebocoran pada plafon unitnya. Alma dan Mia pun terpaksa masuk ke tingkat tersebut dan memeriksa unit nomor 610. Mereka dikejutkan dengan sosok perempuan dan anak kecil misteri. Sejak itu, mereka mengalami pelbagai kejadian ngeri kononnya, unit itu adalah Panggonan Wingit. Siapa saja yang melihat sosok perempuan bernama "Miss K" dan anak perempuannya di unit tersebut akan meninggal dunia empat hari kemudian pada waktu Maghrib.

Mimi Lana, Marissa Wong & Drama Curang Tanpa Niat Antara Pencalonan Baharu GMW 2025

Sebagai pembuka tirai 2025, minggu ini menyaksikan antara pencalonan baharu Gempak Most Wanted (GMW 2025) untuk tahun ini.

Bagi kategori Selebriti Trending, Mimi Lana menduduki carta teratas diikuti dengan Ummy Nazeera, Hisyam Hamid, Zahiril Adzim dan Trisha Ooi.

Dalam pada itu, naskhah hebat Curang Tanpa Niat pula berjaya menambat hati penonton sehingga meletakkannya ditempat pertama bagi kategori Drama Trending.

Sementara itu, personaliti media sosial yang mencuri tumpuan ramai iaitu Marissa Wong mencuri tumpuan dengan kandungan digital uniknya dalam kategori Digital Creator Trending (Entertainment).

Manakala Yyaadany pula antara pempengaruh yang mendapat perhatian bagi kategori Digital Creator Trending (Foodie).

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

Undi calon Carta Mingguan Gempak Most Wanted kegemaran anda untuk peluang melayakkan calon carta mingguan ke Top 20 GMW Awards 2025. Undian dibuka bermula Rabu, 11.00 malam sehingga Rabu minggu hadapan, 10.30 malam.



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

SELEBRITI TRENDING

1. Mimi Lana
2. Ummy Nazeera
3. Hisyam Hamid
4. Zahiril Adzim
5. Trisha Ooi

DRAMA TRENDING


1. Curang Tanpa Niat
2. Project; Exit
3. Ofis Politik
4. Rahsiamu Selamat Denganku
5. Dhia Kasyrani

DIGITAL CREATOR TRENDING (ENTERTAINMENT)

1. Marissa Wong
2. SharkmanZ
3. Arwind Kumar
4. Mahish
5. Adam Bakery

DIGITAL CREATOR TRENDING (FOODIE)

1. Yyaadany
2. Isaac Osman
3. Aniis Ismail
4. Darus Lantak
5. Pak Fu Seafood



Astro Raikan Tahun Ular Dalam Kempen #xilele2025



Astro melancarkan kempen Tahun Baharu Cina (CNY) bertemakan 喜乐年 SHARE 丰年 (Be Joyful. Share the Prosperity) meraikan cinta, empati dan perkongsian selain memperkenalkan maskot sempena tahun ular tahun ini, Xilele.

Menerusi kempen sama, Astro turut memperkenalkan album muzik CNY, cenderamata comel Xilele terdiri daripada plush toys, T-shirt, buku komik dan WhatsApp sticker.

Album muzik #xilele2025 menampilkan 4 lagu rancak bertema A-go-go, Tango, Cha Cha, dan Rock 'n' Roll.

Saluran pop-up Xilele 喜乐年 (Saluran 100) akan bersiaran dari 27 Januari hingga 28 Februari 2025 menampilkan filem, drama, rancangan variasi, dan banyak lagi.

Bermula Januari 2025, Astro akan mengadakan siri jelajah seluruh negara dengan persembahan langsung, sesi bertemu artis, dan hadiah menarik. Untuk maklumat lanjut, lawati xilele2025.com atau aplikasi My Astro.

Nona Superwoman Award 2024 Beri Pengiktirafan Kepada Wanita Hebat

Nona Superwoman Award 2024, telah mengukir sejarah baharu dengan penganjuran kali keempat.

Bertemakan 'Diamonds Are Forever', anugerah ini meraikan tokoh-tokoh wanita hebat yang telah membawa impak besar kepada komuniti dan negara dalam pelbagai bidang.

Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin mencemar duli untuk menyampaikan anugerah utama pada malam tersebut adalah simbolik kepada penghormatan tertinggi yang diberikan kepada kejayaan dan dedikasi wanita.

Sebanyak 39 kategori anugerah telah disampaikan, antara penerimanya adalah Fasha Sandha, MUA Bellaz, Priya Dharshini Prabakaran dan Datuk Seri Vida.

Majlis ini turut diserikan dengan persembahan penyanyi hebat seperti Datin Alyah, Amir Masdi dan Aina Abdul.



Konsert Countdown MeleTOP 2025 Lakar Sejarah, 30,000 Hadir

Astro berjaya mencatatkan kejayaan besar menerusi 'Konsert Countdown MeleTOP 2025' di IOI City Mall, Putrajaya, yang menarik 30,000 penonton secara langsung dan lebih 2.2 juta tontonan di TV serta platform digital.

Video TikTok acara ini turut mencapai 18 juta tontonan, menjadikannya salah satu acara hiburan ikonik di Malaysia.

Persembahan artis tempatan dan antarabangsa seperti Datuk Ramli Sarip, Noraniza Idris, Aina Abdul, dan ramai lagi turut memeriahkan acara ini, yang diakhiri dengan pertunjukan bunga api selama 10 minit.

Selain kejayaan hiburan, Astro menyumbang RM1 juta kepada Tabung Bantuan Bencana Negara melalui Yayasan Astro Kasih dan mengumpul RM171,682.29 untuk Tabung Bantuan Banjir.

Cipta Rekod! Konsert GenKRU Tambah Hari Ketiga

Selepas tiket hari pertama dan kedua untuk Konsert GenKRU pada 3 dan 4 Mei 2025 habis dalam masa kurang sejam, KRU menambah hari ketiga pada 10 Mei 2025.

Keputusan ini, menurut Pengasas Icon Entertainment, Iman Tang, bukan sekadar langkah komersial tetapi untuk menghargai sokongan peminat dan membuktikan kekuatan pemuzik tempatan.

"Berjaya melakukan konsert berskala besar untuk tiga malam merupakan satu penghormatan untuk artis tempatan kita," katanya.

Datuk Norman menyatakan konsert ini adalah penghargaan untuk peminat yang setia selama tiga dekad.

Tiket dijual di www.ticket2u.com.my/kru3 dengan harga bermula RM258 hingga RM588. Pra-jualan untuk pemegang kad Maybank bermula 7 Januari 2025, manakala jualan umum bermula 8 Januari 2025.





Financial Faiz

@financialfaiz 

OPR Turun, Kesan Kepada Peminjam & Penyimpan

Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 2.75% pada tahun 2025 untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Menurut pendidik kewangan, Faiz Azmi, penurunan OPR ini mempunyai kesan berbeza kepada peminjam dan penyimpan.

"Bagi peminjam, penurunan OPR adalah berita baik kerana ia mengurangkan kadar pinjaman efektif, seterusnya menurunkan bayaran bulanan untuk pinjaman rumah dan sesetengah pinjaman kereta.


"Namun, bagi penyimpan, penurunan OPR bermakna kadar pulangan untuk deposit tetap di bank juga akan menurun," katanya.

Faiz menasihatkan orang ramai agar tidak tergesa-gesa membuat keputusan untuk membeli rumah atau kereta semata-mata kerana penurunan OPR, terutamanya jika memilih pinjaman dengan kadar faedah berubah.

"Ini kerana OPR boleh naik semula pada masa hadapan, menyebabkan bayaran bulanan meningkat," tambahnya.

Dalam pada itu, Faiz menekankan kepentingan perancangan kewangan yang bijak untuk mengelakkan risiko kewangan.





What Is HMPV & Should You Be Concerned?

Human metapneumovirus (HMPV) is a respiratory virus from the Pneumoviridae family, causing infections similar to the common cold. It's not new; Malaysia reported 327 cases in 2024, a 45% increase from 225 cases in 2023.

Transmission:


- Direct contact with infected secretions (e.g., saliva)
- Respiratory droplets from coughs or sneezes
- Touching contaminated surfaces and then touching the face

Symptoms of HMPV include a runny or stuffy nose, fever, sore throat, cough, rash, wheezing, and shortness of breath. In severe cases, it can lead to bronchitis or pneumonia.

High-risk groups for HMPV include infants, children under the age of 5, elderly individuals aged 65 and above, and those with weakened immune systems.

Prevention:

- Wash hands frequently
- Clean commonly used objects and surfaces thoroughly
- Avoid close contact with sick individuals
- Currently, there are no antiviral treatments for HMPV. Preventive measures are essential to reduce infection risk.




Relax & Play At Club Med Cherating

Club Med Cherating on Malaysia's east coast is an all-inclusive resort offering a mix of relaxation and fun.

Stay in cozy kampung-style rooms, enjoy pools, beaches, and activities like kayaking, archery, and nature walks. Dining options include a buffet, light snacks, and fine dining near the beach.

The resort also features entertainment like live shows, themed parties, and unique activities like the Flying Trapeze.

Perfect for families, couples, or solo travelers, it's a great getaway for both relaxation and adventure.



Selangor Proposes Urine Tests For Concertgoers

The Selangor government plans to introduce urine tests for concertgoers to prevent drug use. This idea will be discussed on 8th January, along with other safety measures like scanning for banned items and working with police to improve security.

The proposal follows an incident where four people died after a New Year's Eve concert, leading to a temporary halt on concert permits in Selangor.

Read full article in www.rojakdaily.com